



# FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

14 JUL 2000  
UNTUK EDARAN DALAMAN

## Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

*A. Aziz Deraman*

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

*Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri*

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

*Mohd Nor Mamat*

Anda dan Pembacaan

*Zohra Ibrahim*

Kumpulan Pendesak/Seminat

*Posiah Mohd Isa*

## Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

*Halifah Abdul Rahman*

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

*Noraliza Haji Basrah*

## **KOSMOLOGI KELUARGA PADA MILENIUM SIBER**

### Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

*Habibah Lehar*

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

*Khashi'ah Yusof*

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

*Darussalam Abu Bakar*

# **FAKULTAS**

**JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA**

**“ KOSMOLOGI KETAKUAN PADA MILLENIUM SIBER ”**

**© Kolej Cempaka Kenanga**  
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

*Susun Atur Teks: Times New Roman  
Saiz Huruf: 11 poin  
Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat*

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:  
**Kolej Cempaka Kenanga**  
Universiti Teknologi Mara  
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA  
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:  
**Univision Press Sdn Bhd (473080-W)**  
Taman Samudra, Bt Caves,  
Selangor, MALAYSIA  
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053  
E-mail : unvision@tm.net.my

## **SENARAI PENYUMBANG**

---

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob  
Dekan  
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri  
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat  
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Žohra Ibrahim  
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa  
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman  
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah  
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar  
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof  
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar  
Ketua Kursus Penyiarian  
Fakulti Sebaran Am UiTM

## LEMBAGA EDITORIAL

**Penaung**  
 Datuk Prof Ir. Dr Haji  
 Ahmad Zaidee Ladin

**Penasihat Khas**  
 Prof Madya  
 Dr Yaacob Yusof

**Penasihat**  
 Cik Noraliza Basrah

**Koordinator**  
 Us Mohd Nor Mamat

**Ex Officio**  
 Rafidah Abdul Aziz

**Ketua Editor**  
 Haslina Abu Samad

**Pen Ketua Editor**  
 Haniza Othman

**Editor**  
 Ellyna Yusof  
 Liza Imelia M.Sulanah  
 Sh Radhiah Said Alwi  
 Siti Raudhah Shaari  
 Nazathul Shima Azizi  
 Azimah Kassim  
 Zatul Iffah Abdul Halil  
 Tn Noraiham Tn Yasin  
 Suriati Abd Shukor  
 PurnamaSari Sahmawi  
 Istiqamah Subuki  
 Hazilah Mat Isa

## ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob &amp; Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mhd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halijah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000	119

## **MENDENGAR DAN MENGGALAKKAN MANUSIA BERCAKAP**

*Darussalam Abu Bakar*

### **Pengenalan**

Mendengar secara definisi ialah memberikan tumpuan kepada mesej yang disampaikan dan menjadikannya sesuatu yang boleh difahami. Dalam bahasa Inggeris, ia dikenali dengan dua istilah yang kedua-duanya membawa makna yang berbeza. *Hearing* membawa maksud mendengar tanpa memberi tumpuan kepada makna perkataan yang dituturkan itu. Dalam istilah lain ia seperti “masuk telinga kiri keluar telinga kanan”. Sementara *listening* pula ialah memberi tumpuan kepada makna perkataan yang diucapkan iaitu menghubungkan apa yang didengar itu dengan pengalaman hidup agar ia difahami.

Beberapa petikan berkenaan mendengar termasuk:

*"It takes a great man to be a good listener."*  
*Calvin Coolidge*

Ia bermaksud hanya mereka yang berjiwa besar sahaja yang boleh menjadi pendengar yang baik. Mereka yang mempunyai visi dan misi dalam hidup in tentunya perlu mempelajari apa sahaja. Mendengar adalah satu dari cara paling efektif mempelajari apa sahaja tentang hidup.

*"I like to listen. I have learned a great deal from listening carefully. Most people never listen."*  
*Ernest Hemingway*

Banyak perkara yang dipelajari oleh mereka yang berjaya hari ini hasil pengamatan terhadap apa yang mereka terima dalam interaksi harian mereka. Mendengar adalah satu dari cara biasa memulakan pengamatan mereka.

*"Sometimes it is a great joy just to listen to someone we love talking."*

*Vincent McNabb*

Orang yang bijak ialah mereka yang kurang bercakap (bercakap yang perlu sahaja) tetapi menggunakan sebahagian besar dari masa interaksi sosialnya mendengar apa yang disampaikan. Malah ia sendiri merasa seronok atau selesa melakukannya (aktiviti mendengar itu).

Sebahagian besar manusia bukanlah pendengar yang baik. Mereka sebenarnya "memasang telinga" tetapi tidak "mendengar" apa yang disampaikan kepada kepada mereka. Mendengar dengan baik sebenarnya adalah prasyarat menjadi perucap yang baik. Memperbaiki kemahiran mendengar akan membantu kita dalam hidup termasuk dalam kemahiran berucap. Kelas-kelas perucapan awam pula dikatakan boleh membantu orang ramai meningkatkan kemahiran mendengar mereka.

### **Sebab Tidak Mendengar**

Kajian mendapati dua faktor menjadi penghalang kepada aktiviti mendengar iaitu, pertama, gangguan atau halangan fizikal. Yang dimaksudkan ialah sikap menilai seseorang daripada rupa paras atau wajah yang dimiliki mereka. Mereka yang memakai pakaian yang tidak berjenama atau tidak sesuai dengan sesuatu kelas sosial sering dianggap tidak mampu

menyampaikan sesuatu yang berfaedah atau baik kepada kelas berkenaan.

Kedua, gangguan atau halangan mental iaitu fikiran yang sentiasa di awang-awangan dan tidak menumpukan perhatian terhadap apa yang disampaikan. Ia juga bermaksud terlalu menumpukan perhatian sehingga menimbulkan keadaan yang tidak *relaxed*.

### **Langkah Mengatasi Masalah Mendengar**

Beberapa cara dikenalpasti boleh dilakukan untuk mengatasi masalah pendengaran ini iaitu, pertama, menganggap pendengaran sebagai perkara yang serius (bukan main-main). Kedua, menahan diri daripada gangguan yang begitu banyak di hadapan atau sekeliling kita. Ketiga, tidak dipengaruhi dengan apa yang dilihat daripada seseorang perucap atau penyampai. Keempat, jangan membuat pendirian sehingga selesai sesuatu ucapan hatta ketika anda merasakan yang anda tidak akan bersetuju dengan perucap itu. Kelima, beri perhatian kepada isi penting, bukti dan teknik penyampaian perucap atau cara percakapannya. Keenam, memajukan kemahiran mengambil nota yang juga merupakan cara untuk memperbaiki penumpuan terhadap idea si perucap atau orang yang bercakap. Cara kelima ini juga memaksa kita menjadi pendengar yang kreatif.

### **Bercakap**

Bercakap atau berucap ialah satu lagi kemahiran yang penting bagi "*survival*" dalam industri, perniagaan dan kerajaan. Pengurusan organisasi atau ketua jabatan akan dapat menyerap idea mereka yang berupaya menyampaikan

(melalui percakapan atau perucapan) sesuatu dengan berkesan. Kemahiran bercakap atau berucap juga boleh menambah pengaruh yang dimiliki seseorang. Justeru, tidaklah menghairankan kebanyakan pemimpin yang berpengaruh adalah mereka yang pandai dan berkebolehan besar dalam perucapan (ceramah atau pidato).

### **Menggalakkan Manusia Bercakap**

Bagaimanapun, isu paling besar yang dihadapi manusia hari ini ialah kurang minat untuk bercakap atau tidak boleh bercakap secara yang berkesan. Beberapa cara dikenalpasti dapat membantu menggalakkan pertuturan atau perucapan iaitu:

#### **Menjadi Pendengar Yang Baik**

Seseorang yang percakapannya diberi perhatian akan terus bercakap dan menjadikannya aktiviti penting hidupnya.

#### **Berikan Pujian**

Pujian yang diterima akan menggalakkan lagi mereka yang bercakap untuk lebih terlibat dengan aktiviti yang melibatkan pertuturan atau perucapan.

#### **Beri Mesej Dengan Terang**

Sering terjadi percakapan lari dari pokok persoalan atau isu kerana si pendengar kurang jelas dengan mesej yang diutarakan oleh penutur (umpamanya pengerusi mesyuarat).

Ini akan memalukannya dan merencat aktiviti ini di masa depan.

### **Memberi Contoh Yang Baik**

Contoh yang baik dari perucap yang baik adalah cara paling berkesan "mendidik" yang lain untuk menjadi perucap yang baik.

Dengan perkataan lain, menggalakkan orang bercakap atau berucap melibatkan:

### **Sikap**

Sikap positif mereka yang terlibat dalam interaksi terhadap perbualan. Mereka yang mahu atau boleh bercakap perlu diberi penghargaan.

### **Pengharapan**

Pengharapan yang terlalu tinggi tidak perlu diberikan kepada mana-mana perucap. Kesilapan harus dimaafkan. Tolak ansur adalah perlu.

### **Bimbingan**

Bimbingan haruslah diberi kepada mereka yang hendak dilatih menjadi perucap yang baik.

## **FAKULTAS**

### **Penilaian Prestasi**

Setiap penyampaian atau perucapan perlu dinilai dan diberi "markah" sama ada sangat baik, baik, sederhana, lemah atau sangat lemah.

### **Perancangan**

Setiap aktiviti yang melibatkan perbualan atau perucapan perlu dirancang agar menjadi tersusun dan tidak membuang masa.

### **Kesabaran**

Kesabaran menghadapi masalah dan percubaan mengatasinya adalah perkara yang tidak dapat dielakkan jika ingin berjaya.

### **Pengiktirafan**

Mereka yang baik dan berjaya dalam aktiviti perucapan ini perlu diberi surat kepujian, hadiah atau lain-lain bentuk pengiktirafan.

Di samping itu, manusia juga gemar bercakap mengenai perkara-perkara yang:

- baru
- besar atau hebat
- penting.

Justeru, pastikan isu atau pokok persoalan sesebuah mesyuarat atau perbincangan mempunyai ciri-ciri di atas.

## **Penutup**

Mendengar dan bercakap atau berucap adalah sama penting untuk manusia untuk terus hidup dalam dunia yang bersaing ini. Dalam usaha untuk berjaya, *tips* yang diberikan di atas boleh dijadikan panduan.